

**PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATUK JUMAT BIN IDRIS  
(SEPANGGAR)**

**TARIKH : 27 NOVEMBER 2014**

**SOALAN :** **Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS** minta **PERDANA MENTERI** apakah perancangan Kementerian dalam mengatasi masalah perbuatan menghina kaum dan agama yang menular di dalam media sosial sejak kebelakangan ini.

**JAWAPAN :**

**Yang Di Pertua,**

Kerajaan menyedari bahawa pelbagai cabaran yang dihadapi di dalam menyusun strategi dan tindakan bagi mentasi masalah perbuatan segelintir individu menghina kaum dan agama yang dipaparkan dalam media sosial sejak kebelakangan ini.

Menyedari cabaran ini, pelbagai usaha dilakukan untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada semua lapisan masyarakat tentang pentingnya persefahaman dan perpaduan itu dipelihara dan diperkuuhkan. Antara usaha-usaha yang dilakukan termasuklah:

- a) Sentiasa memberi ruang kepada masyarakat untuk menyalurkan pandangan melalui Program Dailog, Perbincangan Meja Bulat (*Round Table Discussion*) dan Perjumpaan Tertutup dengan pihak berkepentingan.

- b) Mewujudkan platform dan ruang yang terbaik melalui persefahaman di kalangan penganut agama melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang terdiri daripada wakil pemimpin Islam dan bukan Islam seperti Hindu, Buddha, Kristian, Sikh, Tao dan Baha'i.
- c) Memperkasakan mekansima dan jentera perpaduan melalui perluasan Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Skim Rondaan Sukarela (SRS), Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah-sekolah dan Skretariat Rukun Negara (SRN) di IPTA dan IPTS di seluruh negara.
- d) Mewujudkan mekanisma Pendamai Komuniti melalui Mediator Momuniti yang akan bertindak sebagai orang tengah untuk mendamaikan pihak-pihak yang berkonflik.
- e) Meningkatkan latihan dan kemahiran kepada pegawai/pengerak perpaduan melalui Modul Hubungan Etnik.

Selain daripada langkah-langkah di atas, halatuju (*Way Forward*) dan perancangan masa hadapan JPNIN turut merangkumi perkara-perkara berikut:

- a) Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MPKN) telah menganjurkan 18 Dialog Perpaduan di seluruh negara mulai 22 Februari hingga 31 Mac 2014 dan juga perbincangan meja bulat dengan kumpulan-kumpulan berkepentingan.
- b) Menjalankan kajian bersama Institut Kajian Etnik (KITA) di Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai usaha mengukuhkan hubungan antara etnik untuk memelihara keharmonian masyarakat dan negara.
- c) Menggalakkan lebih banyak siri wacana, perbincangan meja bulat, seminar dan forum bagi percambahan idea dengan melibatkan golongan

muda untuk meningkatkan kefahaman mengenai Kontrak Sosial, Perkara 151 hingga 153 Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain.

Tan Sri Yang Di Pertua ;

Yang di-Perluan Agong dalam titah ucapannya di Parlimen pada pembukaan Persidangan Parlimen Dewan Rakyat, Penggal Kedua, Parlimen ke 13 yang lepas telah menyeru agar semua pihak mengelak daripada membuat sebarang kenyataan atau tindakan bersifat provokasi dan menyentuh sensitiviti mana-mana pihak.

Kerajaan amat bersungguh-sungguh memastikan rakyat hidup di dalam suasana aman dan harmoni, WALAUPUN masih terdapat anasir-anasir yang cuba mengubah nikmat keamanan dan ketenteraman yang dikecapai selama ini.

SAYA INGIN MENEGASKAN DISINI Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang sengaja menjelaskan sensitiviti kaum dan memecahkan keamanan melalui undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Adalah dipercayai bahawa melalui langkah-langkah, kepekaan dan kerjasama semua rakyat jelata, keharmonian dan perpaduan akan dapat terus dipupuk, keamanan dan kebahagiaan dikekalkan untuk manfaat semua rakyat dan generasi yang akan datang, selaras dengan hasrat Wawasan Negara dan Gagasan 1 Malaysia.

SEKIAN TERIMA KASIH

**SOALAN ( 28 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27 NOVEMBER 2014  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL TEO YU KENG  
[ MIRI ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DR. MICHAEL TEO YU KENG [ MIRI ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN menyatakan :-**

- (a) statistik terperinci senarai rumah yang sudah siap dibina dan sudah dimiliki di bawah Skim Rumah Pertamaku, Skim Mampu Milik dan Skim Rumah Kos Rumah sehingga tahun 2014; dan
- (b) senarai projek PR1MA dan jumlah rumah yang sudah siap dibina sehingga 2014.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kemampuan pemilikan rumah melalui penyediaan lebih banyak lagi rumah yang berkualiti dan mampu dimiliki di pasaran melalui program-program perumahan seperti:
- (i) **Program Perumahan Rakyat (PPR)** yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sejak tahun 2001 sehingga bulan Jun 2014 , Jabatan Perumahan Negara (JPN), KP KT telah menyiapkan sebanyak 98 projek (72,076 unit) di bawah PPR. Jumlah ini terdiri daripada 74 projek PPR Disewa (67,967 unit) dan 24 projek PPR Dimiliki (4,109 unit).

**(ii) Skim Rumah Pertamaku dan Rumah Mampu Milik 1Malaysia**  
di bawah **Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Kementerian Kewangan**. Berdasarkan maklumat daripada SPNB merupakan sebuah Syarikat Milik Penuh Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), statistik pembangunan bagi Rumah Mampu Milik (RMM) dan Rumah Idaman Rakyat (RIR) sehingga Mei 2014 adalah seperti berikut :

	SIAP (UNIT)	DALAM PEMBINAAN (UNIT)	DALAM PERANCANGAN 2014 (UNIT)
<b>RMM</b>	18,815	2,654	13,612
<b>RIR</b>	-	-	3,000
<b>JUMLAH</b>	<b>18,815</b>	<b>2,654</b>	<b>16,612</b>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak SPNB juga memaklumkan bahawa pembangunan perumahan SPNB yang memberi keutamaan kepada golongan berpendapatan rendah ke sederhana untuk memilki rumah adalah skim Rumah Pertamaku

yang telah diumumkan di dalam Bajet 2011 oleh Kerajaan Persekutuan bagi membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM3,000 sebulan untuk memiliki rumah pertama mereka.

- (b) Berdasarkan maklumat yang diterima dari **Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)**, Jabatan Perdana Menteri bagi **Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)**, setakat ini sejak lebih kurang setahun penubuhannya, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 90,461 unit yang merangkumi 70 buah projek di seluruh negara. Kesemua projek-projek ini berada di dalam pelbagai peringkat pembangunan. Daripada 70 buah projek tersebut, 15 buah projek telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang.

Pada masa kini sebanyak 9,573 unit rumah telah dimulakan pembinaan antaranya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Kedah, Johor dan Negeri Sembilan. PR1MA mensasarkan sebanyak 37,000 unit rumah akan mula dibina pada hujung tahun 2014. Secara amnya, proses pembinaan bagi kediaman jenis strata

mengambil masa selama tiga tahun untuk disiapkan manakala kediaman jenis bertanah pula mengambil masa selama dua tahun.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

**SOALAN ( 29 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27 NOVEMBER 2014  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengawal aktiviti perniagaan yang bersaiz kecil dan sederhana di kalangan peniaga bukan rakyat Malaysia yang semakin berleluasa.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2008 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil beberapa langkah untuk menangani isu tersebut. Kementerian ini telah mengedar Pekeliling KSU Bilangan 3 Tahun 2008 Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 30 Jun 2008 yang memberi penjelasan dan panduan kepada PBT tentang pengeluaran permit perniagaan kecil.

Salah satu syarat dalam pekeliling tersebut menyatakan bahawa permit hendaklah dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja dan pemilik permit hendaklah berada di tempat bermiaga sepanjang masa. Tindakan membatalkan permit tersebut wajar diambil ke atas warganegara Malaysia yang memindah milik permit perniagaan mereka kepada warga asing atau tidak menjalankan sendiri perniagaan tersebut.

Selain itu, pada 11 Februari 2014 Kementerian ini telah mengedar surat peringatan kepada semua PBT bertajuk “Tapak Penjaja Yang Tidak Disewa Atau Dijual Kepada Pendatang Asing Tanpa Izin” yang meminta kerjasama PBT untuk memastikan tiada tapak-tapak penjaja disewa atau dijual kepada pendatang asing tanpa izin bagi kawasan PBT masing-masing.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014